

PKPD, KELONGGARAN BAGI PREMIS DAN PENIAGA KECIL

Oleh: Nik Huwaina



Pasar Malam Rabu di Taman Rapat Setia, Ipoh

IPOH: Kerajaan membenarkan hanya premis perniagaan dan peniaga kecil beroperasi sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan diperketatkan demi merancakkan kembali ekonomi negara.

Peluang yang diberikan kerajaan ini khusus kepada para peniaga untuk membantu pendapatan harian mereka bagi menampung perbelanjaan isi rumah.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penjaja Melayu Ipoh, Kamal bin Razali berkata, usaha kerajaan ini dapat membantu sedikit sebanyak bagi menampung perbelanjaan seharian mereka.

Menurutnya lagi, “para peniaga akan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pendedahan mengenai tahap pematuhan prosedur operasi standard SOP akan diwara-warakan kepada mereka terlebih dahulu sebelum memulakan perniagaan bagi memastikan ia berjalan lancar” katanya, ketika di temu ramah



Sesi temu ramah bersama Encik Kamal, Timbalan Pengerusi Persatuan Penjaja Melayu.

Rata – rata peniaga kecil mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih di atas kelonggaran yang diberikan kepada mereka sepanjang musim pkpd dan berjanji akan memberi kerjasama erat dalam pematuhan SOP ini.

Abdul Aziz, 65, merupakan peniaga kecil turut bersetuju dan bersyukur dengan keputusan yang dilaksanakan oleh kerajaan, kerana dengan cara ini beliau dapat memperoleh sumber pendapatan harian selain bantuan yang diberikan.

“Keputusan pihak kerajaan membenarkan peniaga mula beroperasi dapat menampung urusan membayar sewa rumah dan membeli barang keperluan seperti susu anak, lampin pakai buang dan sebagainya, ianya amat meringankan beban kami”, ujarnya.

Sebarang perubahan mengenai pembukaan premis dan gerai tepi jalan akan diumumkan oleh Menteri Pertahanan Dato’ Sri Ismail Sabri Bin Yaakob dari semasa ke semasa dan ia wajar dipatuhi mengikut prosedur yang ditetapkan.